



## **LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

### **PEPERIKSAAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN *SAFETY AND HEALTH OFFICER EXAMINATION***

#### **KERTAS 4 PAPER 4**

#### **BAHAGIAN 1: TUGASAN TEMPAT KERJA *PART 1: WORKPLACE ASSIGNMENT***

#### **GARIS PANDUAN TUGASAN TEMPAT KERJA *WORKPLACE ASSIGMENT GUIDELINES***



**ARAHAH:**

**CALON DIKEHENDAKI MEMBACA SEMUA ARAHAH INI DENGAN TELITI DAN MEMATUHI SEMUA ARAHAH TERSEBUT.**

**A. KEPERLUAN TUGASAN TEMPAT KERJA**

1. Pilih satu tempat kerja. Ia boleh terdiri daripada keseluruhan tempat kerja atau satu bahagian di tempat kerja tersebut.
2. Kenal pasti sekurang-kurangnya enam (6) hazard (termasuk sekurang-kurangnya dua (2) hazard kesihatan) di tempat kerja. Bincangkan kaedah yang digunakan untuk mengenal pasti setiap hazard tersebut.
3. Anggarkan risiko keselamatan dan kesihatan yang wujud daripada setiap hazard tersebut.
4. Senaraikan mengikut keutamaan enam (6) hazard yang telah dikenalpasti mengikut tahap kritikal risikonya. Tentukan hazard keselamatan dan hazard kesihatan yang paling kritikal.
5. Cadang dan bincangkan langkah-langkah kawalan untuk menghapuskan atau mengurangkan kedua-dua risiko hazard kritikal tersebut.
6. Sarankan program semakan semula terhadap langkah-langkah kawalan yang dinyatakan dalam perkara 5 untuk memastikan kecekapan pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

**B. FORMAT LAPORAN**

1. Format Teks
  - i. Tugasan ini mesti ditaip dengan jelas menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
  - ii. *Font* yang digunakan mestilah Times New Roman yang bersaiz 12 dan menggunakan langkau 2 baris (*double spacing*) kecuali tajuk halaman dan Abstrak langkau 1 baris (*single spacing*).
  - iii. Margin kiri dan kanan mestilah berukuran 2.5 cm, manakala margin atas dan bawah mestilah berukuran 3 cm dan diformatkan kepada saiz kertas A4.
  - iv. Laporan mesti mempunyai halaman tajuk laporan (Rujuk Lampiran 1).



2. Format Laporan dan Skema Pemarkahan

NO.	KETERANGAN	MARKAH
2.1	BORANG PERAKUAN TUGASAN TEMPAT KERJA	WAJIB
2.2	HALAMAN TAJUK LAPORAN	-
2.3	ABSTRAK	10
2.4	PENGENALAN	8
2.5	OBJEKTIF	3
2.6	KAEDAH	21
2.7	HASIL DAN PERBINCANGAN	20
2.8	SARANAN	30
2.9	RUJUKAN/SUMBER	3
2.10	LAMPIRAN	5
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>

**2.1 BORANG PERAKUAN TUGASAN TEMPAT KERJA (WAJIB)**

- i. Rujuk Lampiran 2.
- ii. Borang Perakuan Tugasan Tempat Kerja adalah dokumen wajib. Penilai akan menggagalkan calon sekiranya calon tidak memuat naik Borang Perakuan Tugasan Tempat Kerja atau tiada pengesahan daripada syarikat (tandatangan wakil & cop syarikat).

**2.2 HALAMAN TAJUK LAPORAN**

Rujuk Lampiran 1.

**2.3 ABSTRAK (10 markah)**

Ringkasan mengenai latarbelakang laporan, objektif laporan, kaedah yang digunakan dan hasil yang diperolehi, saranan kawalan yang dibuat untuk memanfaatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.



#### 2.4 PENGENALAN (8 markah)

Satu keterangan ringkas mengenai organisasi dan tempat kerja yang dipilih. Keterangan tersebut mestilah meliputi carta organisasi, bilangan pekerja, aktiviti, proses kerja keseluruhan, proses kerja untuk laporan secara spesifik dan persekitaran kerja dari segi keselamatan dan kesihatan.

Sebarang gambar rajah yang dirujuk dalam teks boleh dimuatkan dalam seksyen ini atau dalam lampiran.

#### 2.5 OBJEKTIF (3 markah)

Nyatakan objektif laporan.

#### 2.6 KADEAH (21 markah)

- i. Terangkan tiga (3) kaedah yang digunakan untuk mengenalpasti hazard keselamatan dan kesihatan tersebut.
- ii. Terangkan secara terperinci kaedah penaksiran risiko (anggaran risiko dan penilaian risiko). Sediakan matriks yang digunakan, keterangan kebarangkalian dan keterukan dan tindakan yang perlu diambil.

#### 2.7 HASIL DAN PERBINCANGAN (20 markah)

- i. Nyatakan dan jadualkan enam (6) hazard (termasuk sekurang-kurangnya dua (2) hazard kesihatan) mengikut tahap kritikal risikonya.
- ii. Senaraikan hazard berdasarkan tahap risiko yang diperolehi.
- iii. Rasionalkan pilihan anda mengikut hazard yang paling kritikal (satu (1) hazard keselamatan dan satu (1) hazard kesihatan).
- iv. Terangkan kesan setiap risiko keselamatan dan kesihatan paling kritikal yang telah dikenalpasti kepada organisasi.
- v. Sila nyatakan perundangan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti kerja yang dipilih.

**2.8 SARANAN (30 markah)**

- i. Terangkan secara terperinci langkah-langkah kawalan mengikut hirarki kawalan risiko (langkah pencegahan dan pembetulan) yang dicadangkan untuk mengawal HAZARD KESELAMATAN yang paling kritikal.
- ii. Terangkan secara terperinci langkah-langkah kawalan mengikut hirarki kawalan risiko (langkah pencegahan dan pembetulan) yang dicadangkan untuk mengawal HAZARD KESIHATAN yang paling kritikal.
- iii. Terangkan langkah-langkah semakan semula yang dicadangkan terhadap langkah-langkah kawalan di dalam perkara 6.1 dan 6.2.
- iv. Bincangkan manfaat daripada saranan dalam perkara 6.1 dan 6.2 kepada organisasi.

**2.9 RUJUKAN/SUMBER (3 markah)**

Senaraikan semua rujukan yang dirujuk dalam laporan ini. Maklumat seperti nama pengarang, tajuk, penerbit dan tahun hendaklah dinyatakan. Contoh:

- i. Rujukan buku: Hillman, *Multimedia Technology and Application*. Delmal Publisher. 1998
- ii. Rujukan laman web: OSHA.Personal Protective Equipment. OSHA 1995. <http://www.osha.gov/oshipubs/perpro.html>

Pastikan rujukan-rujukan ini adalah rujukan silang di dalam di dalam teks.

**2.10 LAMPIRAN (5 markah)**

Hanya lampiran yang telah dirujuk di dalam laporan sahaja perlu dilampirkan seperti gambar rajah, diagram, laporan, borang soal selidik dan sebagainya.



### C. PENYERAHAN TUGASAN TEMPAT KERJA

Laporan Tugasan Tempat Kerja (WPA) yang lengkap hendaklah dimuat naik secara berasingan dengan Borang Perakuan Tugasan Tempat Kerja (Lampiran 2).

Kedua-dua dokumen perlu dimuat naik secara dalam talian di <https://myexam.niosh.net.my/> sebelum tarikh akhir pengemukaan WPA (Rujuk Jadual Peperiksaan).

### D. KERTAS 4 – BAHAGIAN 2: PEMBENTANGAN

1. Kertas 4 Bahagian 2 merupakan sesi pembentangan yang dilaksanakan berdasarkan kepada **Laporan Tugasan Tempat Kerja anda dan pengetahuan anda dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan**. Anda dikehendaki membentangkan laporan anda seolah-olah anda membentangkannya kepada pihak pengurusan atasan organisasi anda dalam tempoh masa tidak melebihi **10 minit**. Pembentangan tersebut hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:
  - i. Pengenalan tempat kerja dan objektif laporan;
  - ii. Kaedah penaksiran risiko dan matriks risiko yang digunakan;
  - iii. Hasil kajian & perbincangan; dan
  - iv. Saranan.
2. Slaid pembentangan **WAJIB** menggunakan **Microsoft Power Point (versi terkini)**. Anda hendaklah melakukan pembentangan slaid menggunakan komputer riba sendiri.
3. Calon **TIDAK DIBENARKAN** membuat apa-apa perubahan terhadap pembentangan selepas pengemukaan WPA. Pembentangan ini hendaklah selari dengan WPA yang dihantar.
4. Tempoh sesi peperiksaan adalah selama 30 minit (10 minit pembentangan dan 20 minit sesi soal jawab).



Lampiran 1 / Appendix 1

Nota: Ini adalah contoh halaman tajuk Laporan Tugasan Tempat Kerja

Note: This is only a sample of Workplace Assignment Report title page

Report of Hazards  
in the XXX Section of  
A Manufacturing Company  
(font size 22)

By

Name : \_\_\_\_\_

MyKad No. XXXXXX-XX-XXXX

(font size 16)

Safety and Health Officer Examination  
Paper IV Part 1: Workplace Assignment

(font size 12)



Lampiran 2 / Appendix 2

**BORANG PERAKUAN TUGASAN TEMPAT KERJA**  
**WORKPLACE ASSIGNMENT DECLARATION FORM**

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa Tugasan Tempat Kerja ini yang disediakan untuk peperiksaan **Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO)** adalah berdasarkan hasil kerja asal saya sendiri dan maklumat diperolehi hasil lawatan tapak ke tempat kerja saya yang berkenaan kecuali sedutan atau petikan yang dinyatakan.

Sekiranya maklumat yang dinyatakan tidak benar, pihak Jawatankuasa Kompetensi SHO di bawah Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKP) berhak membatalkan Tugasan Tempat Kerja ini.

Borang Perakuan Tugasan Tempat Kerja ini adalah dokumen wajib. Penilai akan menggagalkan calon sekiranya tiada pengesahan daripada syarikat (tandatangan wakil & cop syarikat).

*I hereby certify that this Workplace Assignment prepared for the Safety and Health Officer (SHO) examination is based on my original work and information's are gathered from the site visit except for citation and quotation made.*

*If the information stated is not true, the Jawatankuasa Kompetensi SHO under Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKP) reserves the rights to cancel this Workplace Assignment.*

*The Workplace Assignment Declaration form is a mandatory document. The assessor will fail the candidate if no verification from the company (representative's signature & company stamp).*

Tandatangan / Signature : .....

Nama / Name : .....

No. MyKad / MyKad No. : .....

Tarikh / Date : .....

**PENGESAHAAN SYARIKAT / COMPANY VERIFICATION**

Saya mengesahkan penama seperti di atas telah menjalankan tugas tempat kerja di premis ini bagi tujuan peperiksaan **Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO)**:

*I confirm the above-named person has conducted the workplace assignment at this premises for the purpose of the Safety and Health Officer (SHO) examination:*

Tandatangan / Signature : .....

Nama / Name : .....

Jawatan & Jabatan : .....  
Position & Department

No. Tel. (Pej/Bimbit) : .....  
Tel. No (Off/ Handphone)

Cop rasmi syarikat  
Company official stamp

Tarikh / Date : .....